

12 MAR 1999

BLOOMBERG-MALAYSIA

BLOOMBERG KEMBANGKAN OPERASI DI M'SIA

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Kumpulan media dan berita antarabangsa, Bloomberg LP kini bersiap sedia bagi peringkat pertumbuhan seterusnya di Malaysia dengan pengembangan operasi syarikat itu di negara ini.

Pengurus serantau bagi Asia Pasifik, Ian Fallmann, berkata di bawah kegiatan pengembangan itu, Bloomberg Malaysia, yang menyediakan perkhidmatan multimedia dan maklumat meliputi pembangunan perniagaan dan kewangan Malaysia akan melancarkan dua usaha sama multimedia baru di sini.

Ia adalah program televisyen yang disiarkan setiap malam bagi perkhidmatan rangkaian dan kewangan serta perniagaan Malaysia bagi sebut harga Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ), sebuah bursa saham tempatan yang mengkhususkan dalam syarikat sedang berkembang terutama yang terlibat dalam kegiatan berasaskan teknologi.

Program televisyen yang dipanggil "Bloomberg Malaysia", akan disiarkan selama setengah jam setiap malam daripada Isnin hingga Jumaat bermula pada 15 Mac di saluran 12 Astro.

"Bloomberg Malaysia," penerbitan bersama oleh Bloomberg Television dengan Astro, akan menumpukan kepada berita perniagaan harian di Malaysia serta program perniagaan khas.

Fallman berkata demikian pada persidangan akhbar di sini hari ini untuk mengumumkan rancangan syarikat bagi operasinya di Malaysia.

Mengenai kemajuan sistem sebut harga MESDAQ, Fallmann berkata, "semua perkara berjalan lancar dan kami bersiap sedia untuk bermula."

Dalam sistem MESDAQ, tempahan belian dan jualan akan dibuat secara bergilir oleh anggota MESDAQ menerusi rangkaian perkhidmatan Bloomberg dan akan dirundingkan, disahkan dan dilaporkan secara elektronik menerusi perkhidmatan Bloomberg.

Diasaskan oleh Micheal Bloomberg pada 1981, Bloomberg LP pertama kali bertapak di Malaysia pada 1990 dengan Terminal Bloomberg pertama dipasang di Bank Negara Malaysia.

Setakat ini, Bloomberg, yang memohon status MSC pada Jun tahun lalu telah melabur lebih daripada RM3.8 juta dalam kelengkapan itu sendiri bagi operasi pengumpulan data berita dan pejabat jualan, di sini.

Bagaimanapun, Fallmann tidak mendedahkan keseluruhan pelaburan bagi operasinya di sini.

Pejabat diperbadankan tempatan Bloomberg (Malaysia) Sdn Bhd akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini esok.

-- BERNAMA

WNZ ZK OS